

13 NOV 1997

Najib-Konsortium

UNIVERSITI TEMPATAN WUJUDKAN KONSORTIUM KENDALI PENDIDIKAN JARAK JAUH

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Semua institusi pengajian tinggi tempatan diminta membentuk sebuah konsortium bagi mengendalikan setiap bentuk pendidikan jarak jauh, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata penubuhan konsortium yang mewakili kesemua institusi pengajian tinggi awam dapat mengendalikan konsep pendidikan jarak jauh dengan kaedah yang sama.

"Dengan cara ini (menerusi konsortium) kita dapat menjimatkan perbelanjaan, kerana jika setiap universiti menjalankannya dengan cara masing-masing, kita tidak dapat menggunakan kesemua infrastruktur, kemudahan komunikasi dan teknologi multimedia secara optimum.

"Tapi kalau bentuk satu konsortium semua universiti boleh jalankan pendidikan jarak jauh dengan cara yang sama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan tahunan Guru dan Kaunselor Asia Tenggara ke-17 (SEATCCO), di sini hari ini.

Najib berkata demikian semasa diminta mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, yang mengajak semua negara anggota Persatuan Universiti-universiti Terbuka (AAOU) mempertimbangkan rancangan mengadakan pengajian jarak jauh melangkaui sempadan negara-negara anggota.

Najib berkata cadangan itu dikemukakan semasa mesyuarat dengan Naib-naib Canselor universiti tempatan, dan pada masa ini universiti berkenaan sedang membuat satu kertas kerja bagaimana hendak menjayakan konsep pendidikan jarak jauh di kalangan semua universiti tempatan.

Katanya pihak universiti juga diminta mengkaji beberapa konsep universiti terbuka yang dilaksanakan di luar negara. Konsep universiti terbuka mempunyai definisi yang berbeza di antara satu negara dan negara lain.

Turut dikaji ialah mengenai nama pendidikan jarak jauh yang menurut Najib, namanya pada masa ini tidak memberi satu maksud yang tepat mengenai konsep pengajaran dan pembelajarannya.

Semasa menjawab pertanyaan lain berhubung penahanan seorang profesor Universiti Malaya (UM) di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kerana dipercayai terbabit dalam penyebaran ajaran Syiah, Najib berkata Kementerian Pendidikan sentiasa memberikan kerja sama sepenuhnya kepada Jabatan Kemajuan Islam dan polis, untuk menentukan tindakan yang selaras mengenai apa-apa fahaman yang boleh mengancam keselamatan negara.

Katanya kerajaan memandang berat mengenai apa-apa fahaman termasuk Syiah yang boleh mengancam keselamatan negara dan tidak membenarkan apa-apa fahaman merebak khususnya di institusi pengajian tinggi yang merupakan pusat pengembangan ilmu dan tempat interaksi sosial yang luas.

"Sudah tentu bila ada sesuatu kefahaman yang boleh mengancam keselamatan negara, antara tempat yang menjadi tumpuan ialah pusat-pusat pengajian. Kerajaan bertindak kerana ancamannya terhadap keselamatan negara," katanya.

Sebelum itu ketika berucap kepada kira-kira 1,000 peserta persidangan itu dari 10 negara, Najib melahirkan harapan agar setiap guru akan merancang dan melaksanakan perubahan dalam sistem pendidikan untuk menjadikannya lebih berkesan.

Beliau berkata oleh sebab pendidikan merupakan pelaburan masa depan bagi individu dan masyarakat, para guru perlu merumuskan cara yang inovatif dan paling wajar untuk menyediakan orang ramai agar dapat menguruskan

perubahan dengan cara berkesan.

"Dalam senario pendidikan hari ini yang pesat berubah, terdapat banyak paradoks, percanggahan dan peluang. Perubahan tidak dapat dielakkan. Pemimpin dalam bidang pendidikan perlu bersikap berani dan berkeyakinan. Kita tidak harus takut akan perubahan, sebaliknya hendaklah menerimanya dengan baik," katanya.

SEATCCO, anjuran International School of Kuala Lumpur, diadakan selama tiga hari. Ia bertujuan meningkatkan lagi pembangunan profesional dalam bidang pendidikan melalui bengkel dan penyampaian kertas kerja. -- BERNAMA

HS RI NMO